

# Meneroka Pengalaman Pelajar Universiti Melakukan Onani Setelah Terdedah Kepada Bahan Lucah Melalui Media Elektronik

Leong Xin Fang  
Nasrudin Subhi

Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Nasrudin Subhi (nas2572@ukm.edu.my)

## ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan meneroka pengalaman pelajar universiti melakukan onani setelah terdedah kepada bahan lucah melalui media elektronik. Seramai 10 orang pelajar universiti awam telah dipilih sebagai responden kajian ini. Kaedah penyelidikan kualitatif menggunakan temu bual secara mendalam telah digunakan dalam kajian ini. Kaedah persampelan bertujuan serta teknik bebola salji telah digunakan. Keputusan mendapati bahawa rakan sebaya merupakan faktor utama yang menyebabkan responden kajian ini terdedah kepada bahan lucah serta aktiviti onani. Kebanyakan responden mula mengenali bahan lucah dan mula melakukan onani sewaktu di peringkat sekolah menengah. Hal ini mempunyai perkaitan dengan usia baligh yang turut berlaku di peringkat ini. Bahan lucah yang menjadi pilihan utama responden kajian adalah bahan-bahan daripada negara Hong Kong dan Jepun. Semua responden turut menyatakan mereka telah mengurangkan kadar melakukan onani kini berbanding sewaktu usia remaja kerana beranggapan melakukannya dengan kerap akan menjelaskan kesihatan di masa akan datang. Walau bagaimanapun, mereka juga berpendapat bahawa melakukan onani dapat menjadi outlet untuk mereka melepaskan tekanan yang dialami. Implikasi dan cadangan kajian turut dibincangkan untuk manfaat bersama.*

**Kata kunci:** Onani, bahan lucah, media elektronik, pelajar universiti, kualitatif

## ABSTRACT

*This study aims to explore the experience of masturbation among university students' after exposure to pornography through electronic media. A total of 10 students from public universities have been selected to participate in this study. Qualitative research methods using in-depth interviews were used in this study. Purposive sampling and snow ball technique was used. The results found that peers are the main factors that caused the respondents to be exposed to pornography and masturbation activities. Most respondents came to know of pornography and began to masturbate while in secondary school. Masturbation is affiliated with the age of puberty, which also occurs at this level. Pornographic materials of choice for respondents are materials from Hong Kong and Japan. All respondents also said they have reduced rates of masturbation now compared to when in their teens because they think it will affect their health in the future. However, they also argue that masturbation can be an outlet to release the stress experienced. Implications and recommendations of the study will be discussed for mutual benefit.*

**Keywords:** Masturbation, pornographic material, electronic media, university student, qualitative

## 1. Pengenalan

Onani atau dengan perkataan lainnya disebut melancap bukanlah suatu yang asing. Namun, membincangkannya secara terbuka masih dianggap sebagai suatu yang taboo dalam konteks masyarakat di Malaysia. Menurut Kamus Dewan (2005) onani adalah perbuatan mengeluarkan mani dengan tangan. Seseorang melakukan onani untuk mendapatkan keseronokan seksual akibat nafsu seks. Selain menggunakan tangan onani boleh dilakukan dengan bantuan objek-objek lain seperti bantal dan *vibrator*. Golongan remaja seringkali dikaitkan dengan aktiviti onani terutama remaja lelaki. Kajian seksualiti ternama oleh Kinsey (1948) mendapati peningkatan mendadak aktiviti onani dalam kalangan remaja lelaki berumur 13 hingga 15 tahun selain mendapati sebanyak 82% remaja lelaki berumur 15 tahun telah pun melakukan aktiviti onani. Dalam satu kajian lain oleh Herbenick et al. (2010) mendapati sebanyak 62.1% remaja berumur 14-15 tahun, 74.8% remaja berumur 16-17 tahun dan 80.6% remaja berumur 18-19 tahun melakukan onani pada tahun sebelumnya. Peratusan ini boleh dikatakan besar sekiranya dibandingkan dengan julat umur yang lain. Perbandingan umur dengan perlakuan onani oleh Herbenick et al. (2010) secara keseluruhan adalah seperti Jadual 1.

**JADUAL 1:** Peratusan Lelaki dan Perempuan yang Melaporkan Onani dalam Bulan Lepas dan Tahun Lepas, Umur 14 tahun - 70 + tahun.

Umur	Bulan Lepas (%)		Tahun Lepas (%)	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
14-15	42.9	24.1	62.1	40.4
16-17	58.0	25.5	74.8	44.8
18-19	61.6	26.0	80.6	60.0
20-24	62.8	43.7	82.7	64.3
25-29	68.6	51.7	83.6	71.5
30-39	66.4	38.6	80.1	62.9
40-49	60.1	38.5	76.0	64.9
50-59	55.7	28.3	72.1	54.1
60-69	42.3	21.5	61.2	46.5
70+	27.9	11.5	46.4	32.8

Dalam konteks tempatan pula Zulkifli, Low dan Yusof (1995) turut menyatakan aktiviti onani adalah suatu perbuatan yang biasa dilakukan oleh remaja lelaki dalam purata umur 14.4 tahun. Walaupun tiada data khusus seperti di negara barat berkenaan kadar perlakuan onani dalam kalangan rakyat Malaysia namun ia boleh dikaitkan kecenderungan melakukan onani dengan pendedahan terhadap bahan-bahan lucah. Secara umum di dapatkan bahawa persepsi masyarakat terhadap onani menjadi lebih terbuka dengan masa di mana generasi baharu lebih aktif melakukan onani daripada sebelumnya dan onani dilihat bukan lagi sebagai suatu aktiviti pampasan terhadap kehilangan pasangan seks tetapi sebagai satu cara bebas untuk mendapatkan keseronokan seksual (Kontula & Haavio-Mannila, 2002). Ini terbukti apabila Malaysia pernah tersenarai sebagai negara ke-19 yang mana rakyatnya paling ramai mengunjungi laman sesawang *PornMD.com* apabila sebanyak 4.04 juta carian telah tercatat antara Ogos 2012 sehingga Januari 2013 (*The Star*, 2013).

Kanak-kanak berumur di antara 2 hingga 18 tahun dikatakan menghabiskan masa sekitar 6.5 hingga 8 jam sehari dengan media termasuk televisyen, pita video, filem dan permainan video iaitu tempoh kedua terbesar selepas tidur (Lavers, 2002). Internet sering dilaporkan sebagai sumber yang paling biasa terjadinya pendedahan terhadap bahan lucah (Häggström-Nordin et al., 2005) melalui capaian remaja ke dalam laman sesawang yang mensajikan aktiviti

seksual secara eksplisit. Hal ini mengundang kebimbangan semua pihak terutama ibu bapa. Ybarra dan Mitchell (2005) mendapati pencarian bahan lucah secara *online* dan *offline* lebih cenderung dalam kalangan lelaki berbanding perempuan (5%). Selain itu, mereka turut mendapati bahawa 87% remaja adalah dalam tahap umur 14 tahun ke atas iaitu sekitar masa baligh. Kajian seumpama oleh Sabina et al. (2008) secara atas talian terhadap 563 pelajar kolej mengenai pendedahan bahan lucah di internet sebelum umur 18 tahun mendapati 93% lelaki dan 62% perempuan terdedah kepada bahan lucah. Mereka turut mendapati bahawa pendedahan terhadap lelaki lebih awal berbanding perempuan di mana lelaki lebih cenderung dan kerap melihat banyak gambar serta imej lucah manakala pendedahan perempuan pula banyak berlaku secara tidak sengaja.

## 2. Metod

Kajian ini dijalankan secara kualitatif menggunakan kaedah temu bual secara mendalam. Kajian ini melibatkan seramai 10 orang responden. Kesemua responden merupakan pelajar yang sedang menuntut di universiti awam dan berbangsa Cina. Responden berumur sekitar 22 hingga 27 tahun dengan min umur 23.5 tahun. Pencapaian akademik mereka pula adalah antara julat PNGK 2.00 hingga 3.74 dengan min PNGK 3.34. Temu bual dijalankan secara separa berstruktur di mana protokol temu bual yang telah dibentuk dijadikan sandaran dan rujukan dalam proses temu bual. Dengan cara ini responden bebas untuk bercerita mengikut keselesaan mereka sendiri. Di kala tertentu pengkaji akan melakukan *probing* bagi mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam.

Responden kajian adalah mereka yang ingin terlibat secara sukarela. Pemilihan mereka menggunakan teknik bebola salji (snow balling). Kajian ini turut menggunakan kaedah persampelan bertujuan yang mana responden kajian perlu memenuhi kriteria pemilihan responden yang telah ditetapkan: (1) warganegara Malaysia, (2) berumur tidak kurang daripada 18 tahun, (3) merupakan pelajar universiti sama ada awam atau swasta dan (4) pernah melakukan onani setelah melayari bahan lucah melalui media elektronik. Temu bual dijalankan mengikut kesesuaian masa responden di dalam bilik kuliah yang kosong. Sewaktu temu bual dijalankan hanya ada pengkaji dan responden sahaja di dalam bilik kuliah memandangkan temu bual ini bersifat sensitif dan peribadi. Sebelum temu bual dimulakan pengkaji telah mendapatkan persetujuan termaklum secara bertulis daripada responden kajian setelah menerangkan tujuan kajian dijalankan. Responden juga telah diberi peluang untuk bertanya tentang sebarang kemosyikilan sekiranya ada sebelum temu bual dimulakan. Temu bual dirakam secara digital bagi memudahkan proses analisis dapatkan.

Analisis dapatan dilakukan menggunakan analisis tema (Braun & Clarke, 2006). Setiap rakaman telah dipindahkan ke dalam bentuk verbatim. Untuk melaksanakannya pengkaji perlu mendengar rakaman secara teliti dan melakukan transkripsi dalam bentuk Microsoft Words. Setelah verbatim terhasil, pengkaji perlu membaca dan memahami konteksnya serta mengenal pasti kod-kod yang sesuai bagi tema-tema yang timbul. Kemudian tema-tema awal ini diguguskan pula mengikut persamaan bagi membentuk tema yang lebih bermakna.

Ujian rintis telah dijalankan terlebih dahulu dengan dua orang responden bagi menentukan kesesuaian protokol temu bual yang telah dibentuk. Hasil daripada kajian rintis ini pengkaji telah pun melakukan sedikit penambah baikan terhadap protokol temu bual bagi mendapatkan maklumat kajian yang lebih baik. Hasil kajian rintis juga mendapati masa yang diperuntukkan bagi melaksanakan temu bual sekitar 40 minit adalah memadai.

### 3. Keputusan Dan Perbincangan

Kajian ini telah dijalankan ke atas 10 pelajar universiti awam berbangsa Cina. Hasil daripada kajian yang telah dijalankan secara kualitatif, Jadual 1 merupakan ringkasan maklumat demografi yang telah diperolehi daripada responden.

JADUAL 1: Ringkasan demografi responden kajian

	Asal	Umur (tahun)	PNGK	Teman Wanita
Lun	Pulau Pinang	23	3.74	Tiada
Yi	Pulau Pinang	23	3.65	Ada
Aron	Sarawak	22	2.00	Tiada
Yu	Wilayah Persekutuan	23	3.74	Ada
John	Perak	27	3.74	Ada
Lee	Sarawak	23	3.20	Tiada
Gony	Perak	23	3.00	Tiada
Zhen	Pulau Pinang	25	3.70	Ada
Wan	Pulau Pinang	23	3.54	Ada
Chuah	Pulau Pinang	23	3.10	Ada

Dapatan kajian mendapati seramai 4/10 responden telah mula mengenali bahan lucah sejak dari bangku sekolah rendah iaitu Lun, Lee, Zhen dan Wan. Mereka menyatakan faktor yang mendorong mereka terjebak mengenali bahan lucah adalah akibat perasaan ingin tahu. Sebaliknya, baki 6/10 responden mula mengenali bahan lucah sewaktu berada di peringkat sekolah menengah. Mereka turut menyatakan faktor ingin tahu dan pengaruh rakan sebaya sebagai pendorong utama bagaimana mereka mengenali bahan lucah kecuali Yi dan Yu yang tidak menyatakan secara spesifik tentang punca keterlibatan ini. Sebagai contoh Gony menyatakan, “Saya masih ingat waktu itu 15 tahun... saya rasa ingin tahu jadi secara sendirian menontonnya [filem lucah].” Dapatan kajian ini selari dengan kajian oleh Ybarra & Mitchell (2005) yang mendapati bahawa sebahagian besar (87%) daripada remaja kajian mereka berumur 14 tahun ke atas melaporkan mencari imej seksual secara atas talian disebabkan rangsangan perkembangan ingin tahu secara seksual. Billingham dan Hockenberry (1987) turut menyatakan bahawa perlakuan onani dan fantasi seksual boleh berlaku dalam waktu baligh disebabkan kemunculan perkembangan seksual dan erotik. Justeru, kemungkinan 4/10 responden yang mula beronani di peringkat sekolah rendah adalah disebabkan mereka mengalami baligh awal berbanding rakan-rakan yang lain.

Kebanyakan responden iaitu 6/10 mula melakukan onani sewaktu di peringkat sekolah menengah. Lun, Aron dan Lee pula telah mula melakukan onani sedari peringkat sekolah rendah manakala Gony hanya mula melakukan onani sewaktu di kolej. Mereka turut menyatakan aktiviti ini juga dipengaruhi oleh rakan sebaya dan pengenalan kepada bahan lucah. Kajian ini selari dengan kajian oleh Kaestle dan Allen (2011) yang menyatakan hampir kesemua responden kajian mereka belajar tentang onani melalui media dan rakan sebaya. Dari segi kekerapan melakukan onani pula kajian ini mendapati ia dalam julat sekali hingga enam kali sehari dengan min 3.5 kali dan median lima kali sehari. Namun, semua responden menyatakan bahawa mereka telah pun mengurangkan kadar perlakuan onani pada masa kini kerana sedar ia boleh memberi implikasi kurang baik terhadap kesihatan dan perlu dikawal. Apabila ditanya tentang kesan onani, responden memberikan respon yang positif dan juga negatif. Secara positif, hampir kesemua responden menyatakan onani dapat mengurangkan tekanan yang sedang mereka alami.

Selain itu, 3/10 responden berpendapat onani dapat mengurang masalah sosial seperti kes rogol kerana rangsangan seksual yang terkumpul telah dapat disalur keluar melalui perbuatan onani. Sementara itu, antara keburukan yang disebabkan onani pula kelesuan, daya ingatan menjadi lemah, melemahkan ginjal, mempercepatkan proses penuaan dan mengakibatkan ketagihan.

Terdapat pelbagai bentuk bahan lucah yang boleh didapati di dalam media elektronik. Perkembangan industri pornografi juga menjadi semakin maju disebabkan oleh kemajuan dalam media elektronik dan juga perkembangan internet. Ini memandangkan sebaran boleh dilakukan dengan amat pantas berbanding cara konvensional dahulu. Masa yang diperuntukkan oleh kanak-kanak dan remaja hari ini terhadap penggunaan media elektronik turut dikatakan meningkat dengan mendadak. *American Academy of Pediatrics* (AAP) melaporkan bahawa kanak-kanak antara 2 hingga 18 tahun menghabiskan 6.5 hingga 8 jam sehari dengan media, termasuk televisyen, pita video, filem dan permainan video iaitu lebih banyak masa daripada sebarang aktiviti yang lain kecuali tidur (Lavers, 2002). Ybarra dan Mitchell (2005) mendapati sebanyak 15% responden kajian mereka yang berumur 12 tahun hingga 17 tahun melaporkan melihat material *x-rated* sama ada secara atas talian ataupun melalui medium konvensional. Kajian ini mendapati antara bahan lucah yang menjadi pilihan pelajar universiti berbangsa Cina adalah bahan-bahan lucah daripada negara Hong Kong dan Jepun. Sebagai contoh tiga responden iaitu Aron, John dan Chuah secara spesifik menyebut filem lucah Jepun menjadi pilihan mereka; "Jika mesti pilih, saya akan pilih Japanese" (Chuah). Laman sesawang yang menjadi pilihan responden pula termasuk *thisav*, *twgigacircle*, *hentai gallery*, *hentai stigma*, *youjizz*, *pornhub*, *redtube*, *youporn* dan *emplifix.com*. Ropelato (2006) mendapati sebanyak 20 kata kunci utama termasuk *teen sex*, *teen porn* dan *sex ads* digunakan dalam pencarian bahan lucah secara atas talian. Perinciannya adalah seperti Jadual 2.

#### 4. Implikasi Dan Cadangan Kajian

Hasil kajian ini mempunyai beberapa implikasi dan cadangan perlaksanaan di masa akan datang. Implikasi dan cadangan ini dibincangkan di tiga peringkat. Bagi kaunselor dan professional dalam kesihatan mental yang mengendalikan kes-kes yang melibatkan tingkah laku dan kesihatan seksual, kajian ini boleh memberikan manfaat dalam melaksanakan tugas. Mungkin akan terdapat rasa kurang selesa untuk membincangkan soal onani secara terbuka oleh kaunselor, namun kesediaan mereka untuk membincangkan perkara ini secara terbuka dan tanpa syarat penting untuk meransang proses penerokaan dalam diri klien seterusnya membantu klien keluar daripada kepompong isu yang membelenggu diri. Cadangan: Kaunselor dan professional dalam kesihatan mental yang mengendalikan kes-kes tingkah laku dan kesihatan seksual perlu bersedia dari segi ilmu dan keupayaan untuk membincangkan perkara ini secara terbuka dan tanpa syarat. Penambahan ilmu boleh dilakukan daripada pembacaan selain daripada menghadiri kursus-kursus pendek dan seminar dalam bidang berkaitan. Sekiranya kesukaran mengendalikan kes klien masih timbul, rujukan kepada profesional yang lebih berpengalaman adalah amat perlu.

Bagi ibu bapa, mereka perlu lebih peka tentang perkembangan seksual anak-anak. Ibu bapa dilihat sering kali mengelak untuk membincangkan soal seksual bersama anak-anak. Salah tanggap yang biasa berlaku ialah kesenyapan oleh anak-anak tentang isu seksual merupakan perkara yang baik. Sebaliknya, ibu bapa harus risau sekiranya anak-anak mereka telah mencapai umur baligh tetapi langsung tidak menyuarakan sebarang kemasukan tentang isu seksual. Sekiranya ini berlaku anak-anak berkemungkinan telah pun berusaha mendapatkan jawapan terhadap persoalan mereka tadi dengan pihak lain yang belum tentu kesahihan jawapan yang

diberikan. Cadangan: Ibu bapa perlu membina kemahiran seterusnya membiasakan diri bercakap mahupun menjawab persoalan anak-anak dalam soal seksual sesuai dengan tahap perkembangan mereka. Keupayaan sebegini akan membentuk kepercayaan anak-anak untuk menyuarakan kemasukan seksual mereka dengan ibu bapa dahulu sebagai sumber rujukan utama.

Bagi remaja, mereka perlu tahu bahawa perkembangan seksual pada diri mereka adalah suatu perkara yang normal bagi setiap individu. Mereka perlu melaluinya tanpa rasa segan dan takut. Mereka juga perlu tahu saluran yang terbaik untuk mereka dapatkan jawapan terhadap segala persoalan berbentuk seksual yang timbul setelah mencapai usia baligh. Cadangan: perlu melihat ibu bapa sebagai rujukan utama bagi mencari jawapan terhadap persoalan seksual. Sekiranya ibu bapa tidak berupaya untuk memberikan jawapan yang diharapkan mereka perlu berusaha untuk mendekati kaunselor agar persoalan ini dapat dibincangkan dengan lebih sempurna. Elakkan daripada mencari jawapan daripada kawan-kawan memandangkan mereka juga berkemungkinan belum cukup matang untuk memberikan jawapan yang diharapkan.

## 5. Kesimpulan

Remaja mula mengenali onani sekitar tahap umur baligh. Ini memandangkan pada ketika ini tubuh badan sudah mula merasai rangsangan seksual. Walau pun tingkah laku onani pada dasarnya dilihat tidak mempunyai implikasi negatif dari segi kesihatan dan perubatan namun sekiranya aktiviti ini tidak dikawal dan ditambah pula dengan memperolehi rangsangan menggunakan bahan lucah berkemungkinan individu boleh terdedah kepada masalah-masalah seksual yang lain seperti ketagihan seksual dan kesukaran untuk memperolehi *orgasm*. Oleh itu, pendidikan seksual kepada remaja dilihat sebagai suatu yang mustahak agar mereka berupaya menjadi diri mereka dengan baik serta memperoleh perkembangan seksual yang sejahtera.

## Rujukan

- Billingham, R. E., & Hockenberry, S. L. (1987). Gender conformity, masturbation fantasy, infatuation, and sexual orientation: A discriminant analysis investigation. *Journal of Sex Research*, 23(3), 368-374.
- Braun, V. & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Herbenick, D., Reece, M., Schick, V., Sanders, S.A., Dodge, B. & Fortenberry, J.D. (2010). Sexual behavior in the United States: Results from a national probability sample of men aged 14-94. *Journal of Sexual Medicine*, 7(5), 255-265.
- Häggström-Nordin, E., Hanson, U. & Tydén, T. (2005). Associations between pornography consumption and sexual practices among adolescents in Sweden. *International Journal of STD & AIDS*, 16(2), 102-107.
- Kamus Dewan. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kontula, O. & Haavio-Mannila, E. (2003). Masturbation in a generational perspective. *Journal of Psychology & Human Sexuality*, 14(2-3), 49-83.
- Kinsey, A. C., Wardell, B. P. & Clyde, E. M. (1948). *Sexual behavior in the human male*. Philadelphia: W. B. Saunders Company.
- Kaestle, C. E. & Allen, K. R. (2011). The role of masturbation in healthy sexual development: Perceptions of young adults. *Archives of Sexual Behavior*, 40(5), 983-994.

- Ropelato, J. (2006). Internet pornography statistics. Retrieved Mac 28, 2014 from <http://www.ministryoftruth.me.uk/wp-content/uploads/2014/03/IFR2013.pdf>
- Sabina, C., Wolak, J. & Finkelhor, D. (2008). The nature and dynamics of internet pornography exposure for youth. *CyberPsychology & Behavior*, 11(6), 691-693.
- The Star*. 2013. 4 June.
- Ybarra, M. L. & Mitchell, K. J. (2005). Exposure to internet pornography among children and adolescents: A national survey. *CyberPsychology & Behavior*, 8(5), 473-486.
- Zulkifli, S. N., Low, W.Y., Yusof, K. (1995). Sexual activities of Malaysian adolescent. *The Medical Journal of Malaysia*, 50(1), 4-10.

JADUAL 2 : 2006 Top Adult Search Request and Demographics (Ropelato, 2006)

2006 Top Adult Search Requests				
Search Term	2006 Search Requests	2006 % Change	2005 % Change	Web Pages Containing Keyword (Millions)
Sex	75,608,612	7%	40%	414.00
Adult Dating	30,288,325	622%	80%	1.40
Adult DVD	13,684,718	53%	21%	1.82
Porn	23,629,211	-3%	29%	88.80
Sex Toys	15,955,566	4%	1%	2.65
Teen Sex	13,982,729	36%	25%	2.10
Free Sex	13,484,769	0%	20%	2.42
Adult Sex	13,362,995	301%	51%	1.58
Sex Ads	13,230,137	382%	40%	0.28
Group Sex	12,964,651	88%	33%	2.07
Free Porn	12,964,651	-10%	54%	2.74
XXX	12,065,000	25%	14%	181.00
Sex Chat	11,861,035	97%	36%	2.21
Anal Sex	9,960,074	76%	21%	2.95
Cyber Sex	8,502,524	-20%	3%	1.24
XXX Videos	7,411,220	71%	40%	1.44
Playboy	6,641,209	-6%	24%	43.20
Teen Porn	6,130,065	7%	38%	1.97
Nude	5,487,925	-26%	14%	71.30
Sexy	4,344,924	21%	33%	198.00

  

Demographics							
Search Term	Male	Female	<18	18-24	25-34	35-49	50+
Sex	50%	50%	20%	20%	20%	20%	20%
Adult Dating	36%	64%	20%	20%	21%	20%	19%
Adult DVD	58%	42%	20%	19%	23%	21%	17%
Porn	96%	4%	23%	14%	10%	36%	17%
Sex Toys	58%	42%	20%	16%	19%	19%	26%
Teen Sex	44%	56%	22%	19%	19%	22%	18%
Free Sex	44%	56%	22%	19%	19%	22%	18%
Adult Sex	36%	64%	19%	21%	21%	20%	19%
Sex Ads	50%	50%	20%	20%	19%	20%	21%
Group Sex	50%	50%	20%	20%	20%	20%	20%
Free Porn	97%	3%	22%	14%	10%	35%	19%
XXX	50%	50%	20%	20%	20%	20%	20%
Sex Chat	50%	50%	20%	20%	20%	20%	20%
Anal Sex	67%	33%	19%	19%	16%	28%	19%
Cyber Sex	41%	59%	23%	25%	14%	30%	8%
XXX Videos	64%	37%	17%	19%	26%	27%	11%
Playboy	86%	14%	10%	33%	25%	25%	7%
Teen Porn	82%	18%	23%	17%	14%	28%	18%
Nude	77%	23%	33%	14%	10%	17%	26%
Sexy	50%	50%	20%	20%	20%	20%	20%

Lavers, D. (2002). Media violence: Ugly and getting uglier. *World and I*, 17(3): 68-74.